| Perlisfm,Kedahfm, Mutiarafm, Perakfm, SELANGORfm, Negerifm, Melakafm, Johorfm, Pahangfm, Terengganufm, Kelantanfm, Sarawakfm dan Sabahfm | 13 | STESEN RADIO NEGERI |
| Keningaufm, Sibufm, Limbangfm, Mirifm, Rasafm, Sandakanfm, Tawaufm, Sabah Vfm, Redfm, Waifm, Labuanfm, Bintulufm dan Langkawifm | 13 | STESEN RADIO TEMPATAN |

### KATEGORI RANCANGAN

| | | |
|---|---|---|
| Agama, Belia, Berita, Drama, Hiburan, Iklan, Kanak-kanak, Sukan, Wanita, Penerangan dan Pendidikan | 10 | KATEGORI RANCANGAN RADIO BAGI KESEMUA STESEN RADIO |

*Sumber: Jabatan Penyiaran Malaysia (RTM)*

# SALURAN TV RTM DAN KATEGORI RANCANGAN



| | |
|---|---|
| 23 RANCANGAN | SEKSYEN BERITA TV |
| 10 RANCANGAN | SEKSYEN EHWAL SEMASA |
| 24 RANCANGAN | UNIT HIBURAN TV |
| 13 RANCANGAN | UNIT DRAMA TV |
| 34 RANCANGAN | UNIT MAJALAH DAN DOKUMENTARI TV |
| 24 RANCANGAN | UNIT SUKAN TV |
| 10 | KATEGORI RANCANGAN |

Agama, Belia, Berita, Bicarawara/ Bualbicara, Doku/Majalah, Laporan Parlimen, Muzikal, Sukan, Kanak-kanak, Telemovie Khas dan Hiburan

# BERITA EHWAL SEMASA RTM DAN KATEGORI RANCANGAN

| | |
|---|---|
| 23 RANCANGAN | BERITA TV |
| 20 RANCANGAN | BERITA RADIO |
| 10 RANCANGAN | SEKSYEN EHWAL SEMASA |



*Sumber: Jabatan Penyiaran Malaysia (RTM)*

# PENSTRIMAN RADIO DAN TV

## APLIKASI RTM MOBILE

Pada 18 April 2012, RTM Mobile dilancarkan secara rasmi oleh Menteri Penerangan, Kebudayaan dan Komunikasi, Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim di Dewan SITC, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak. Pada peringkat awal aplikasi ini hanya boleh diakses melalui url m.rtm.gov.my namun pada Oktober 2013, ia boleh dimuat turun oleh pengguna telefon pintar platform androids. Seterusnya pada bulan Disember 2013 aplikasi RTM Mobile untuk pengguna platform iOS pula dilancarkan. Aplikasi RTM Mobile menyediakan perkhidmatan *live streaming* TV dan Radio RTM secara percuma kepada pengguna.




**7,531,887**
**RADIO**

**36,674,061**
**TELEVISYEN**

**44,205,948** **JUMLAH HITS (SCREEN VIEW)**

## PRESTASI MUAT TURUN RTM MOBILE

**JUMLAH MUAT TURUN 2017**
**195,827**

**JUMLAH MUAT TURUN 2016**
**255,386**

Pada tahun 2016 terdapat acara Sukan Olimpik yang disiarkan oleh RTM yang menjadi penyumbang utama peningkatan jumlah muat turun aplikasi RTM Mobile pada tahun tersebut. Pada tahun 2017 tiada acara sukan utama dan RTM tidak lagi menjadi penyiar rasmi kepada Liga Bola Sepak tempatan.

*Sumber: Jabatan Penyiaran Malaysia (RTM)*

# PENSTRIMAN RADIO DAN TV




## MYKLIK

MyKlik merupakan satu *platform* digital yang membolehkan penonton menikmati siaran *Live Streaming* TV1, TV2, TVi, RTM Parlimen dan 1 News. Selain daripada itu, 21 saluran *Radio Streaming* turut ditawarkan secara percuma untuk dinikmati oleh penggguna. Selain tontonan secara *Live Streaming, Video On Demand* (VoD) turut disediakan kepada pengguna melalui kaedah tontonan semula rancangan terpilih terbitan RTM seperti Berita, Drama, Bicarawara, Sukan, Majalah, Telemovie dan pelbagai lagi. Penggunaan paparan siaran TV secara dalam talian atau *online* ini selaras dengan era globalisasi kini yang menunjukkan minat penonton ke arah penggunaan pelbagai gajet digital di mana-mana sahaja bagi menonton siaran TV berbanding menonton siaran tv dan radio secara konvensional hanya di rumah.

**3,964,446**
**RADIO**

**4,556,219**
**TELEVISYEN**

**8,520,665** **JUMLAH HITS (*PAGE VIEW*)**

## JUMLAH KESELURUHAN PENDENGAR DAN PENONTON APLIKASI RTM MOBILE DAN MYKLIK

**JUMLAH PENDENGAR DALAM TALIAN**
**11,496,333**
(GABUNGAN PENDENGAR STRIM MYKLIK DAN RTM MOBILE)

**JUMLAH PENONTON DALAM TALIAN**
**41,230,280**
(GABUNGAN PENONTON STRIM MYKLIK DAN RTM MOBILE)

*Sumber: Jabatan Penyiaran Malaysia (RTM)*

# RANCANGAN TERBITAN JAKIM DI RTM

## RANCANGAN TERBITAN JAKIM DI RADIO RTM

**Nasional FM** (Sentiasa Di Hati)
- 5 RANCANGAN (MINGGUAN)
- 11 RANCANGAN KHAS

**Minnal FM**
- 16 RANCANGAN (MINGGUAN)
- 4 RANCANGAN KHAS

**Radio Klasik** (Menggamit Kenangan)
- 4 RANCANGAN (MINGGUAN)
- 4 RANCANGAN KHAS

**Ai FM**
- 2 RANCANGAN (MINGGUAN)
- 4 RANCANGAN KHAS

**Asyik FM** (moi num moi)
- 7 RANCANGAN (MINGGUAN)
- 8 RANCANGAN KHAS



## RANCANGAN TERBITAN JAKIM DI TV RTM




**TV1**
- 11 RANCANGAN (MINGGUAN)
- 12 RANCANGAN KHAS

**TV2**
- 2 RANCANGAN (MINGGUAN)

*Sumber: Bahagian Program TV, Jabatan Penyiaran Malaysia (RTM)*

# PROGRAM RTM MENDEKATI RAKYAT

Dalam usaha memenangi hati dan pemikiran rakyat, selain melalui perkhidmatan siaran radio, tv dan media baharu, RTM turut melaksanakan pendekatan 'turun padang' atau *on ground*. Pendekatan ini penting supaya RTM terus lekat dan dekat di hati rakyat. Sekaligus membolehkan maklumat yang disampaikan diyakini dan diterima secara positif.



## PROGRAM SETIA BERSAMA NEGARAKU@RTM

Program turun padang oleh RTM serta kolaborasi dengan agensi seperti Jabatan Perdana Menteri (JPM), Jabatan Penerangan Malaysia (JaPEN), Kementerian Kewangan Malaysia (MOF), Muzium Negara dan Badan Bukan Kerajaan (NGO) melalui pendekatan kaedah *on-line, on ground* serta *on air* melalui RTM4U.

JABATAN PERDANA MENTERI | JABATAN PENERANGAN MALAYSIA | KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA

**Objektif:**

Menyebarluas informasi dan dasar kerajaan melalui program turun padang;

Memperkukuh kolaborasi strategik RTM dengan pelbagai agensi; dan

Menarik penyertaan dan sokongan khalayak terhadap dasar dan agenda kerajaan.

**19** JUMLAH RANCANGAN

**190,000** JUMLAH PENGUNJUNG

## PROGRAM SEHATI@RTM

Program SEHATI@RTM yang pertama ialah pada November 2017 di Kuantan, Pahang. Program ini akan dilaksanakan secara bersepadu di seluruh negara bermula tahun hadapan sebagai salah satu usaha untuk mendekatkan RTM dengan audiens setempat. Program ini juga adalah merupakan sumbangan RTM kepada masyarakat melalui pelbagai pengisian.

**KARNIVAL PAHANG #mohlaweh**
**KUANTAN, PAHANG**
**2 HINGGA 5 NOVEMBER 2017**

**30,000** JUMLAH PENGUNJUNG

*Sumber: Jabatan Penyiaran Malaysia (RTM)*

# KERJASAMA RANCANGAN RTM DENGAN BADAN PENYIARAN ANTARABANGSA

Seksyen Perhubungan Antarabangsa menyelaras hubungan RTM dengan enam pertubuhan antarabangsa, melibatkan hubungan bilateral, latihan, kerjasama penerbitan dan persidangan di peringkat antarabangsa.



## RADIO

**12** JUMLAH RANCANGAN

**10** NEGARA

- SINGAPURA
- INDONESIA
- FILIPINA
- BRUNEI
- THAILAND
- MYANMAR
- VIETNAM
- LAOS
- KEMBOJA
- UNITED KINGDOM

## TELEVISYEN

**25** JUMLAH RANCANGAN

**14** NEGARA

- THAILAND
- BRUNEI
- BHUTAN
- KOREA
- CHINA
- HONG KONG
- INDONESIA
- SRI LANKA
- JEPUN
- MONGOLIA
- PAKISTAN
- VIETNAM
- BANGLADESH
- SINGAPURA



*Sumber: Jabatan Penyiaran Malaysia (RTM)*

# *Menggerak* EKONOMI DIGITAL



KKMM sentiasa menitik beratkan pembangunan ekosistem digital yang kondusif bagi merangsang pertumbuhan industri dalam menggerakkan ekonomi digital. Industri ICT telah menjadi salah satu sektor ekonomi yang penting di Malaysia. Kerajaan telah mensasarkan supaya sektor ekonomi digital menyumbang sekitar 20% daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) menjelang tahun 2020.

Bajet 2018 juga turut memastikan ekonomi digital terus inklusif untuk kesejahteraan rakyat, khususnya kumpulan B40 dan M40. Antaranya keterangkuman digital yang diperluaskan kepada inisiatif utama baru dengan memanfaatkan teknologi pintar terkini seperti *Internet-of-Things (IOT)* dan *Big Data Analytics (BDA).*

KKMM mempunyai peranan penting dalam memastikan ekonomi digital berjaya dimajukan untuk pembangunan Negara. Antara program yang telah dilaksanakan di bawah Kementerian adalah seperti eRezeki dan eUsahawan. Pelancaran Zon Perdagangan Bebas Digital (DFTZ) dan *Malaysia Digital Hub* juga menjadi pemangkin dan bakal meletakkan Malaysia sebagai kuasa besar ekonomi digital di mata dunia.

# SYARIKAT BERSTATUS MSC MALAYSIA

Status MSC Malaysia dianugerahkan oleh Kerajaan Malaysia kepada perniagaan berkaitan ICT tempatan dan asing yang layak. Syarikat Status MSC Malaysia layak mendapat insentif, hak dan keistimewaan bagi menggalakkan pertumbuhan berterusan untuk perniagaan, industri dan ekonomi Malaysia.

**4,557** JUMLAH SYARIKAT DILULUSKAN

**3,213** JUMLAH SYARIKAT AKTIF




## BILANGAN SYARIKAT MENGIKUT HAK MILIK

| HAK MILIK | SYARIKAT DILULUSKAN | SYARIKAT AKTIF |
|---|---|---|
| Tempatan | 3,291 | 2,377 |
| Asing | 1,161 | 773 |
| Usahasama 50/50 | 105 | 63 |
| JUMLAH | 4,557 | 3,213 |

## BILANGAN SYARIKAT MENGIKUT PECAHAN KLUSTER

| KLUSTER | SYARIKAT DILULUSKAN | SYARIKAT AKTIF |
|---|---|---|
| *Creative Content & Technologies* | 554 | 370 |
| *Global Business Services* | 708 | 605 |
| *Infotech* | 3,158 | 2,119 |
| *Institutes Of Higher Learning & Incubators* | 137 | 119 |
| JUMLAH | 4,557 | 3,213 |

*Sumber: Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC)*

# PENCAPAIAN MSC MALAYSIA

| KLUSTER | JUMLAH PENDAPATAN (RM JUTA) | HASIL EKSPORT (RM JUTA) | PELUANG PEKERJAAN |
|---|---|---|---|
| *Creative Content & Technologies* | 7,914.26 | 1,424.40 | 11,590 |
| *Global Business Services* | 20,226.57 | 13,126.01 | 95,817 |
| *Infotech* | 20,702.48 | 5,435.93 | 48,924 |
| *Institutes Of Higher Learning & Incubators* | 1,922.18 | 107.21 | 16,290 |
| JUMLAH | 50,765.49 | 20,093.55 | 172,621 |

# MALAYSIA SEBAGAI HAB TEKNOLOGI PILIHAN

Kawasan MSC Malaysia yang dikhaskan dengan persekitaran perniagaan yang kondusif membekalkan ekosistem untuk menarik pelaburan ICT dan mempromosikan pembangunan syarikat-syarikat ICT tempatan. Ini selaras dengan *MSC Malaysia Bill Of Guarantees No.1*, adalah ditawarkan kepada syarikat berstatus MSC Malaysia untuk beroperasi di dalam premis-premis di dalam kawasan *MSC Cybercenter* dan *Cybercity*. Secara amnya, *MSC Cybercity* menawarkan perkhidmatan infrastruktur dan infostuktur yang lebih tinggi berbanding kawasan lain. Sebagai contoh, menyediakan keupayaan internet jalur lebar pada kelajuan minimum 100 Mbps di 30 lokasi berstatus MSC Malaysia.

Penyediaan infrastruktur dan prasarana bertaraf antarabangsa di lokasi berimpak tinggi untuk menjadikan Malaysia sebagai pelaburan terpilih bagi sektor khusus yang disasarkan. Pembangunan lokasi-lokasi perniagaan dengan proposisi nilai yang unik untuk pembangunan industri teknologi pilihan. Ini termasuk pengiktirafan 5 *Digital Hub* di Lembah klang yang menempatkan 70 *startups digital.*

**JUMLAH CYBERCENTRE** **6**

**48** **JUMLAH CYBERCITY**



*Sumber: Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC)*

# SYARIKAT MSC MALAYSIA MENGIKUT BENUA
## (BERDASARKAN PEMILIKAN MAJORITI)




**4,557** JUMLAH SYARIKAT DILULUSKAN

MSC MALAYSIA

## PERLUASAN SYARIKAT TEMPATAN MSC MALAYSIA KE PERINGKAT ANTARABANGSA

Memacu pertumbuhan pembangunan industri ICT dengan memperluaskan jangkauan MSC Malaysia bagi mempertingkatkan jumlah pelaburan baharu dan memberi fokus kepada pendapatan eksport. Program ini berjaya menghasilkan 10 syarikat tempatan bertaraf global.

**RM1.84 billion** JUMLAH PENDAPATAN

**RM548.84 juta** HASIL EKSPORT

*Sumber: Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC)*

# PROGRAM PERBADANAN EKONOMI DIGITAL MALAYSIA (MDEC)

## PEMBANGUNAN SILIBUS, PENSIJILAN DAN PIAWAIAN BERTERASKAN PEMIKIRAN KOMPUTASIONAL DAN INOVASI DIGITAL

Program kesediaan guru ke arah pembudayaan inovasi digital dan pemikiran komputasional;

Membangunkan modul pengajaran Asas Sains Komputer dan Sains Komputer berkonsepkan pemikiran komputasional dan elemen komputer sains;

Program pensijilan untuk *Master Trainers* di kalangan guru, pensyarah Matrikulasi, Institut Penguruan Pendidikan Malaysia dan Universiti; dan

Pembangunan piawaian untuk mengukur kompetensi digital murid berlandaskan *gamification*.



| | |
|---|---|
| 120,000 | Pelajar terlibat dalam aktiviti/kurikulum *mydigitalmaker* |
| 70,000 | Guru dilatih dalam pemikiran komputasional & Sains Komputer |
| 7,700 | Sekolah rendah mengintergasikan Asas Sains Komputer & Sains Komputer dalam semua subjek |
| 208 | *Digital Ninja* dilahirkan |
| 680 | Master Trainers terima Sijil |
| 50% | Sekolah Menengah Tawar Asas Sains Komputer & Sains Komputer sebagai elektif & elektif wajib |
| 18 | Modul pembelajaran/pengajaran dibangun |

## PEMBANGUNAN MODAL INSAN BAGI EKONOMI DIGITAL

**PROGRAM PEMBANGUNAN PROFESIONAL**

| | |
|---|---|
| 1,974 | Profesional dilatih dalam bidang *Big Data Analytics (BDA)* |

**PROGRAM KERJASAMA INDUSTRI AKADEMIA**

| | |
|---|---|
| 1,148 | Pelajar IPT dalam Industri |

**PROGRAM PEMBANGUNAN GRADUAN ICT TVET**

| | |
|---|---|
| 323 | Peserta dilatih di dalam program *Buiding Information Modelling (BIM)* |

**KEMPEN eASPIRASI**

| | |
|---|---|
| 119 | Pensyarah dan pusat kerjaya dibangunkan di bawah 10 premier IPT |

**PEMBANGUNAN PREMIER IPT & KAJI SELIDIK DIGITAL TALENT**

| | |
|---|---|
| 13 | Premier IPT dibangunkan |



Sumber: *Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC)*

# PELAKSANAAN PEMBANGUNAN e-DAGANG KEBANGSAAN

Matlamat utama program ini adalah untuk menyelaras inisiatif-inisiatif yang akan dilaksanakan antara kementerian, agensi dan institusi dan pemantauan hala tuju. Ini termasuk menyediakan persekitaran yang kondusif untuk pemain-pemain e-dagang untuk mencari dan mengembangkan penyedia teknologi e-dagang tempatan agar berdaya saing dan diiktiraf di peringkat global.

**RM39 juta** — **HASIL GMV *(GROSS MERCHANDISE VOLUME)* EKSPORT**

**497** — ***e*TAILER YANG MENGEKSPORT**




# INISIATIF *BIG DATA ANALYTICS (BDA)* NASIONAL




Membangunkan industri *National Big Data Analytics (BDA)* sebagai salah satu sumber pertumbuhan industri ICT dan memperluaskan penggunaan BDA di pelbagai industri dan sektor untuk pertumbuhan ekonomi.

- **Program *Harvard Business School* memberi impak kepada 185 orang pegawai *C-Suite* melalui 3 kohort.**
- **Projek Perintis Malaysia City Btain telah berjaya dilaksanakan untuk *Proof of Concept* di 5 persimpangan lalu lintas dengan kerjasama Alibaba.**



*Sumber: Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC)*

# PENJANAAN PENDAPATAN DIGITAL



## #YOUCANDUIT™

Pemangkin Pendapatan Digital

Merupakan kempen kesedaran untuk meningkatkan pendapatan tambahan di kalangan rakyat Malaysia melalui inisiatif digital eRezeki dan eUsahawan.

**13,845 PESERTA**

## eRezeki™



Menghubungkan golongan berpendapatan rendah dengan saluran pendapatan digital. Individu akan diberi latihan untuk melakukan tugasan digital yang bersesuaian dan menjadi sebahagian tenaga kerja digital yang berdaya saing.

**RM195.64 juta**
**JUMLAH PENDAPATAN USAHAWAN**

**98,580**
**PESERTA**

**62,790**
**USAHAWAN DILAHIRKAN**

## eUsahawan™

**RM175.2 juta**
**JUMLAH PENDAPATAN USAHAWAN**

**104,695**
**PESERTA**

**41,425**
**USAHAWAN DILAHIRKAN**



Menerapkan nilai dan ilmu keusahawanan digital di kalangan usahawan mikro yang sedia ada serta orang awam yang berminat untuk menceburi bidang keusahawanan. Peserta akan menjalani kursus keusahawan digital jangka pendek di institusi kemahiran yang terpilih.

*Sumber: Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC)*

# PROGRAM MYNIC

## STATISTIK PENDAFTARAN NAMA DOMAIN .MY

MYNIC adalah pentadbir tunggal nama domain .MY di Malaysia. Domain adalah penamaan yang diberikan untuk identifikasi nama *server* komputer *(web server* atau *mail server)* pada jaringan komputer atau pada jaringan internet. Domain digunakan untuk mempermudah pengguna/*user* dalam mengakses ke *server* tanpa harus mengingat *IP server* yang berupa deretan angka. Domain kadangkala disebut juga sebagai *Uniform Resource Locator atau singkatannya* URL atau alamat *website*.

| NAMA DOMAIN | .my | .com.my | .net.my | .org.my | .gov.my | .edu.my | .mil.my | .name.my | JUMLAH |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| JUMLAH PENDAFTARAN | 169,697 | 132,856 | 2,600 | 3,703 | 1,089 | 3,112 | 17 | 26,328 | 339,402 |
| DNS IPv6 | 2,663 | 4,341 | 127 | 178 | 551 | 113 | 2 | 14 | 7,989 |
| | IPv6 adalah singkatan untuk *Internet Protocol Version 6*. IPv6 adalah Protokol Internet generasi selanjutnya yang dirancang untuk menggantikan Protokol Internet sedia ada. IPv6 DNS bermaksud di mana sebuah nama *host* dipetakan ke alamat IPv6. | | | | | | | | |
| SECURITY EXTENSIONS (DNSSEC) | 2 | 1 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 3 |
| | Teknologi *Domain Name System Security Extensions* (DNSSEC) diperkenalkan bagi meningkatkan keselamatan internet, yang diberikan oleh *Domain Name System* (DNS). Ini selari dengan spesifikasi antarabangsa yang ditetapkan oleh *Internet Engineering Task Force* (IETF). Ia bertujuan untuk meningkatkan tahap keselamatan dengan melindungi pengguna internet terhadap serangan seperti keracunan *cache*. | | | | | | | | |




## DOMAIN YANG DIANTARABANGSAKAN

Nama Domain Antarabangsa atau *Internasionalised Domain Names* (IDN) adalah nama-nama domain yang diwakili dalam aksara-aksara bahasa tempatan. Nama-nama domain ini mengandungi huruf atau aksara-aksara daripada skrip bukan ASCII *(American Standard Code for Information Interchange)* - contohnya Jawi,Tamil dan Cina.

| JAWI | CINA | TAMIL | JUMLAH |
|---|---|---|---|
| 817 | 1,134 | 154 | 2,105 |

*Sumber: MYNIC Berhad*

# PROGRAM KESEDARAN & PEMBANGUNAN MODAL INSAN

## .myNIC



### PAMERAN

Program pameran bertujuan bagi mempromosikan MYNIC sebagai sebuah agensi di bawah Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia dan juga perkhidmatan-perkhidmatan lain disamping menyampaikan kesedaran kepada awam mengenai kepentingan nama domain .MY

**22 PAMERAN**




### KURSUS KEUSAHAWANAN DALAM TALIAN

Melahirkan generasi celik ekonomi digital yang mampu menjadikan platform atas talian sebagai salah satu sumber ekonomi rakyat dan ekonomi negara.

**20 KURSUS**

**637** peserta



### SEMINAR USAHAWAN MUDA (YES)

Program pendekatan dalam talian berbentuk sesi perkongsian dan latihan keusahawanan melibatkan kemahiran digital di kalangan generasi muda khususnya pelajar IPTA dalam melahirkan golongan usahawan muda yang cakna digital.

**14 SEMINAR**

**1,633** peserta



### PROGRAM LATIHAN PLATFORM KREATIFMARKET.MY

Platform yang pertama di Malaysia dalam mengkomersialkan hasil karya seni fotografi tempatan secara dalam talian (*online*) berdasarkan konsep *"crowdsourcing"* di samping memberi peluang kepada komuniti untuk menjana pendapatan sampingan secara berterusan.

**3 PROGRAM LATIHAN**

**83** peserta



### PROGRAM LATIHAN KESEDARAN DEALS

DEALS (*Defacement Alert System*) adalah perkhidmatan pengesanan kecacatan laman web yang melaporkan aktiviti mencurigakan kepada pemilik laman web. Ia juga membolehkan pemilik melakukan tindakan susulan. Sistem ini menawarkan keselamatan dan ketenangan hati kepada pengguna.

**4 PROGRAM LATIHAN**

**362** peserta



*Sumber: MYNIC Berhad*

# KREATIFMARKET.MY




KREATIFMARKET.MY dilancarkan pada 8 November 2017 bertujuan untuk mengkomersialkan hasil karya seni fotografi tempatan secara dalam talian *(online)* berdasarkan konsep *crowdsourcing* dan *stock photo* di samping memberi peluang kepada komuniti untuk menjana pendapatan sampingan secara berterusan setanding platform-platform antarabangsa yang lain seperti Shutterstock, Getty Images, 123rf dan banyak lagi.



**BAYARAN INSENTIF KEPADA 2900 PENYUMBANG BERDAFTAR (SEHINGGA DIS 2017)**

RM2,115

**GAMBAR TELAH DISUMBANGKAN**

9,500

**GAMBAR DILULUSKAN MENEPATI KRITERIA**

2,487

*Sumber: MYNIC Berhad*

# APLIKASI GO2 BRAND




**PENGGUNA BERDAFTAR**




**2,659**

Aplikasi "GO2 Brand" yang dilancarkan pada Oktober 2017, memberikan revolusi dalam komunikasi terutamanya dari aspek pembangunan perniagaan dalam talian khusus untuk usahawan-usahawan industri kecil sederhana (PKS). Ia menghubungkan pelanggan dengan hanya 1 klik sahaja dan boleh dibuka secara terus di telefon pintar atau komputer.

GO2 Brand adalah pakej perkhidmatan bagi menggantikan nombor telefon dengan nama yang mudah diingati mengikut pilihan masing-masing, di mana nombor telefon perkhidmatan yang biasanya tertera di laman-laman seperti Instagram, Facebook dan sebagainya akan ditukar menjadi nama domain yang boleh diubahsuai, supaya pelanggan boleh menghantar mesej WhatsApp tanpa perlu menyimpan nombor perniagaan tersebut.

Perkhidmatan GO2 Brand juga boleh digunakan untuk menggantikan nombor atau butiran dari aplikasi lain seperti Waze, Google Maps, pautan Facebook, Twitter dan sebagainya

*Sumber: MYNIC Berhad*

# Memperkasa INDUSTRI KREATIF



KKMM turut berperanan dalam mengawal selia industri kreatif negara menerusi Dasar Industri Kreatif Negara (DIKN). Ini merupakan antara usaha dan inisiatif Kerajaan menyediakan ekosistem dalam membangunkan sektor kandungan dan teknologi kreatif yang akan membawa pertumbuhan memberangsangkan kepada industri kreatif. Industri kreatif adalah industri yang melibatkan kreativiti individu, keterampilan, dan bakat yang meliputi seni persembahan dan muzik, filem dan drama, reka bentuk dan animasi serta pengiklanan dan pembangunan kandungan yang berkualiti. Industri ini mempunyai potensi besar untuk menjana kekayaan dan mewujudkan peluang pekerjaan melalui penggalakan dan eksploitasi harta intelek.

Industri kreatif negara boleh bersaing di pasaran antarabangsa sekiranya mendapat sokongan dan galakan pelbagai pihak. Salah satu cabaran besar dalam industri ini yang perlu dihadapi ialah penggilapan bakat dan penghasilan kandungan berkualiti tempatan yang boleh diketengahkan dan diiktiraf di peringkat global. Pembangunan bakat dan kandungan yang berkualiti perlu diberi keutamaan dengan membuat perancangan yang menyeluruh. Pelan pemasaran yang mantap juga perlu disediakan.

KKMM juga telah menganjak industri kreatif negara melalui penghijrahan penyiaran TV analog kepada digital dengan pelaksanaan projek Pendigitalan Penyiaran Nasional.

# PROGRAM NEGARAKU KREATIVITI@ KOMUNITI (K@K)

Program ini adalah satu usaha KKMM dalam mendaya upayakan bakat serta kreativiti masyarakat, khususnya di luar bandar. Objektif program adalah bagi mencungkil dan mengetengahkan bakat, meningkatkan kepakaran serta kreativiti pelajar/ belia luar bandar. Selain itu, ia juga melahirkan generasi pelapis dalam industri kandungan kreatif bagi memperluaskan pasaran tempatan dan antarabangsa.

Hasilnya, program ini secara tidak langsung dapat mewujudkan kerjasama antara kementerian dan institusi pendidikan di peringkat nasional bagi memajukan industri kandungan kreatif.

NEGARAKU KREATIVITI @KOMUNITI

Peserta di
**IKBN KUALA LANGAT**

**200** orang

Peserta di
**UMS KOTA KINABALU**

**580** orang

Peserta di
**IKBN SERI ISKANDAR**

**300** orang



**1,080** **JUMLAH PESERTA**

*Sumber: Bahagian Pembangaunan Kandungan, Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia*

# PROGRAM PERBADANAN KEMAJUAN FILEM NASIONAL (FINAS)

## INSENTIF TAYANGAN FILEM CEREKA (ITFC)

Insentif Tayangan Filem Cereka (ITFC) adalah untuk membantu dan menggalakkan penerbit filem terus menghasilkan filem-filem cereka tempatan.

Meningkatkan bilangan penerbit filem bagi menghasilkan filem yang bermutu serta berjaya dipasarkan setanding dengan peringkat antarabangsa.

**59** — **BILANGAN FILEM DI BAWAH SYARAT WAJIB TAYANG**

**RM57.92 juta** — **KUTIPAN KASAR**

## SENARAI FILEM YANG BERJAYA DI PERINGKAT ANTARABANGSA

**1. Filem – SHUTTLE LIFE**

**20th Shanghai International Film Festival (3 Anugerah)**
i. Jack Tan – Pelakon Lelaki Terbaik (*New Talent Awards*)
ii. Chen Ko Chin - Sinematografi Terbaik (*New Talent Awards*)
iii. MM2 Entertainment Group & More Entertainment - Filem Terbaik (*New Talent Awards*)

**12th Chinese Young generation Film Forum (3 Anugerah)**
i. Jack Tan - Pelakon Lelaki Terbaik
ii. Chen Ko Chin - Sinematografi Terbaik
iii. Lim Chik Fong - Penata Seni/Produksi Terbaik

**1st ASEAN-China Film Festival (1 Anugerah)**
i. Jack Tan - Pelakon Lelaki Terbaik




**7 ANUGERAH**

**2. Filem – Mrs K**

**14th Asian Summer Film Festival (1 Anugerah)**
i. Kara Wai - Anugerah Khas - *Lucky Cat Honor Award*

**12th Chinese Young generation Film Forum (2 Anugerah)**
i. Wong Tay Sy - Penata Seni/Produksi Terbaik
ii. Soo Mun Thye & Sharon Chong - Penyunting Terbaik




**3 ANUGERAH**

**3. Filem – Redha**

**PIFFA Supreme Award@PROFIMA International Film Festival & Awards (1 Anugerah)**
i. Current Pictures - Anugerah Khas Juri

**8th Luang Prabang Film Festival (1 Anugerah)**
i. Current Pictures - Anugerah Pilihan - *Audience Choice Awards*




**2 ANUGERAH**

**4. Filem – AQERAT**

**30th Tokyo International Film Festival (1 Anugerah)**
i. Edmund Yeo - Pengarah Terbaik

**12th Jogja-NETPAC Asian Film Festival (1 Anugerah)**
i. Pocket Ideas & Greenlight Pictures - *Gerber Awards*



**2 ANUGERAH**

**5. Filem – MUNAFIK**

**57th Asia Pacific Film Festival (1 Anugerah)**
i. Syamsul Yusof - Pengarah Terbaik




**1 ANUGERAH**

*Sumber: Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS)*

# FILM IN MALAYSIA INCENTIVE (FIMI)



Kerajaan Malaysia memperkenalkan *Film In Malaysia Incentive* (FIMI), iaitu insentif kewangan tambahan dan pemberian rebat tunai 30% kepada pembangunan kandungan kreatif khusus untuk filem, televisyen dan animasi tempatan serta asing yang memenuhi had minimum sebanyak RM2.5 juta bagi perbelanjaan produksi tempatan dan RM5 juta bagi perbelanjaan produksi antarabangsa.

Objektif FIMI ialah untuk menggalakkan pengeluar filem Malaysia untuk menghasilkan kandungan kreatif berkualiti tinggi untuk pasaran tempatan dan antarabangsa;

Menarik pengeluar filem asing untuk menjalankan aktiviti filem di Malaysia dan menjadikan Malaysia sebagai destinasi penggambaran antarabangsa;

Membangunkan reputasi Malaysia sebagai hab industri kandungan kreatif yang berkesan dengan kos yang efektif;

Meningkatkan peluang untuk syarikat penyewaan peralatan filem, pasca produksi dan studio yang menyediakan peralatan dan perkhidmatan berkaitan industri kandungan kreatif;

Menggerak ekosistem kandungan kreatif dan meningkatkan sumbangan ekonomi industri kandungan kreatif dan industri yang berkaitan; dan

Meningkatkan peluang pekerjaan untuk artis dan krew tempatan yang menyediakan peralatan serta perkhidmatan pada industri kandungan kreatif.

| | |
|---|---|
| **PRODUKSI ANTARABANGSA** | **8** |
| **BILANGAN PERBELANJAAN PRODUKSI DI MALAYSIA DI BAWAH FIMI** | **RM141.8 juta** |
| **BILANGAN PELUANG PEKERJAAN** | **5,299** |

*Sumber: Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS)*

# PROGRAM MEMPERKASA MODAL INSAN INDUSTRI PERFILEMAN



FINAS menganjurkan program pembangunan industri kreatif termasuk latihan, bengkel, pembikinan filem, penulisan skrip, pengarahan, seni lakon, kesan khas dan animasi.

Program yang memberi tumpuan untuk memperkasa aspek pembangunan modal insan terutama generasi muda bagi memastikan golongan itu terus membangun kendiri dan kreativiti menerusi siri program pembangunan modal insan yang menarik dan kreatif.

Menyediakan platform untuk pakar bidang kreatif dalam dan luar negara dan penggiat industri, ahli akademik dan pelajar-pelajar IPT untuk berkongsi idea, maklumat serta teknologi terkini industri kandungan kreatif.

Program pembelajaran berterusan untuk penggiat industri.

| | | |
|---|---|---|
| **PROGRAM PEMACUAN** | 6 aktiviti | 104 peserta |
| **PROGRAM PEMBANGUNAN KEMAHIRAN** | 28 aktiviti | 994 peserta |
| **PROGRAM PERKONGSIAN IDEA** | 20 aktiviti | 914 peserta |
| **PROGRAM KESEDARAN INDUSTRI KREATIF** | 9 aktiviti | 1,505 peserta |

**JUMLAH AKTIVITI**
63

**JUMLAH PESERTA**
3,517

*Sumber: Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS)*

## NEXT NEW WAVE PROGRAM

Program *Next New Wave* adalah satu inisiatif untuk membangunkan kemahiran penerbitan filem berteraskan bimbingan secara langsung serta latihan praktikal secara mentor dan mentee daripada tenaga pengajar profesional dari dalam dan luar negara.

Salah satu matlamat utama pogram ini ialah menggalakkan kerjasama dan perkongsian pengalaman para penggiat filem dan mendedahkan penggiat filem muda membuat filem di rantau Asia Tenggara.

Dengan kerjasama dan jaringan yang kukuh di kalangan pengusaha bengkel filem seperti *ASEAN ROK-FLY Project, SEAscreen Makassar, Asian Film Academy, Southeast Asian Film Lab* dan *Berlinale Talent*, penggiat filem dari Malaysia akan mendapat peluang yang unik untuk mengakses bidang latihan industri filem di peringkat serantau dan global.



**21** PEMBIKIN FILEM MUDA ASEAN

**3** FILEM PENDEK DIHASILKAN

## CENTRE OF EXCELLENCE (COE)



Membangunkan pusat kecemerlangan bertaraf dunia bagi pengeluaran sumber, pemulihan dan pemeliharaan kandungan digital Malaysia.

Melaksanakan penyebaran ilmu pengetahuan perfileman melalui pameran tetap, pameran sementara dan pameran bergerak.

Mempertingkatkan aplikasi interaktif dan persembahan pameran yang lebih menarik berasaskan komputer.

Melaksanakan secara Pendigitalan bahan kandungan, pameran *Museum of Moving Image (MOMI), Mediatheaque, E-Heritage (Restoration and Preservation Dgital Content)* dan *Production of Digital Content.*

**130** jam — LIPUTAN ARKIB HD

**11,153** pengunjung — MEDIATHEAQUE/MOMI

**230** jam — PENDIGITALAN E-HERITAGE

*Sumber: Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS)*

# HAB INTENSIF PRODUKSI SARAWAK, SABAH DAN BORNEO (HIPS)




Pembangunan infrastruktur di FINAS Sarawak, studio serta kelengkapan, produksi dan pasca produksi.

Menyediakan *footage* pengarkiban yang sahih dan berkualiti tinggi sebagai khazanah negara.

Menjana hasil pendapatan melalui penghasilan produksi.

Memberi perkhidmatan yang kondusif, menambah peluang pekerjaan dan memberi kemudahan peralatan produksi kepada penggiat industri kreatif.

**2** DOKUMENTARI

**90** ARKIB

**8** PROMO

# PROGRAM PEMBANGUNAN KOMUNITI PERFILEMAN

Aktiviti promosi sepanjang tahun dijalankan bertujuan menyemarakkan dan memupuk minat orang ramai menonton filem-filem tempatan serta melahirkan generasi baharu di dalam industri perfileman melalui program pembangunan ko-kurikulum perfileman di peringkat akar umbi.



**11** PROGRAM MERAKYATKAN FILEM

**3** KELAB PENCINTA FILEM

**26** PAMERAN INTERAKTIF INDUSTRI



*Sumber: Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS)*

# PENGELUARAN SIJIL PERAKUAN PENGGAMBARAN (SPP) DAN KOS PRODUKSI MENGIKUT KATEGORI

Sesebuah produksi yang ingin menjalankan penggambaran perlu memaklumkan kepada FINAS sebelum sesuatu penggambaran dimulakan, melalui borang tertentu dan SPP akan dikeluarkan.

**ANIMASI**
3 SPP
RM0.49 juta

**CEREKA PAWAGAM**
80 SPP
RM100.43 juta

**CEREKA PENDEK**
14 SPP
RM1.43 juta

**CEREKA TV**
172 SPP
RM18.49 juta

**CEREKA VCD**
2 SPP
RM0.1 juta

**DOKUMENTARI**
77 SPP
RM17.70 juta

**DRAMA TV**
139 SPP
RM81.43 juta

**GAME SHOW**
10 SPP
RM5.92 juta

**MUZIKAL**
29 SPP
RM8.88 juta

**PENDIDIKAN**
2 SPP
RM0.02 juta

**PROMOSI**
5 SPP
RM0.49 juta

**REALITI TV**
25 SPP
RM9.33 juta

**TEMUBUAL**
21 SPP
RM7.03 juta

**VIDEO KORPORAT**
2 SPP
RM0.03 juta

**PROGRAM TV**
255 SPP
RM131.75 juta



**836** SIJIL PERAKUAN PENGGAMBARAN (SPP)

**RM383.52 juta** KOS PRODUKSI

*Sumber: Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS)*

# PENGELUARAN SIJIL FILEM IKLAN BUATAN MALAYSIA (MIM)

Pemegang lesen, jika selesai mengeluarkan sesebuah filem iklan hendaklah membuat permohonan kepada FINAS melalui borang yang ditetapkan bagi mendapatkan perakuan bahawa filem iklan itu adalah dibuat di Malaysia.





**1,208** SIJIL FILEM IKLAN BUATAN MALAYSIA (MIM)

**RM191.99 juta** KOS ANGGARAN PRODUKSI

# PAWAGAM, SKRIN DAN KERUSI

**151** PAWAGAM

**1,094** SKRIN

**185,997** KERUSI



# KUTIPAN DAN PENONTONAN FILEM ASING DAN TEMPATAN DI PAWAGAM

**72.86 juta** PENONTONAN

**RM983.99 juta** KUTIPAN KASAR



## FILEM TEMPATAN

**4.55 juta** PENONTONAN

**RM57.92 juta** KUTIPAN KASAR

## FILEM ASING

**68.31 juta** PENONTONAN

**RM926.07 juta** KUTIPAN KASAR

*Sumber: Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS)*

# PENYERTAAN FINAS DI PASARAN FILEM ANTARABANGSA

## HASIL JUALAN DI PASARAN ANTARABANGSA

mipcom.

16 hingga 19 Oktober 2017
**PASARAN FILEM ANTARABANGSA MIPCOM**
Anjuran Reed Midem di Cannes, Perancis

**12 SYARIKAT**
**RM2.358 juta**



atf
ASIA TV FORUM & MARKET

29 November hingga 1 Disember 2017
**ASIA TELEVISYEN FORUM (ATF)**
Anjuran Reed Exhibitions Singapore di Marina Bay, Singapura

**5 SYARIKAT**
**RM3.127 juta**

**NILAI JUALAN EKSPORT KANDUNGAN KREATIF** — **RM5.485 juta**

*Sumber: Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS)*

# PROGRAM DAN AKTIVITI MDEC

## PEMBANGUNAN INDUSTRI UNTUK KANDUNGAN DIGITAL MALAYSIA (MY DIGITAL CONTENT)




Pertumbuhan industri kandungan kreatif negara yang memberangsangkan adalah hasil sokongan *Malaysia Animation Creative Content Centre* (MAC3). Matlamat program ini adalah untuk pemangkinan eksploitasi IP, menggalakkan pertumbuhan kelompok kandungan digital dan membangunkan ekosistem kandungan digital.

| | |
|---|---|
| >20 | **ANIMASI MALAYSIA TERHASIL** (Upin & Ipin, Boboiboy, Didi & Friends, Supa Strikas, Ejen Ali) |
| RM132 juta | **HASIL EKSPORT** |
| >120 | **NEGARA BERJAYA DITEMBUSI** |

*Sumber: Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (mdec)*

# PERMOHONAN PENGGAMBARAN FILEM DAN PERSEMBAHAN ARTIS LUAR NEGARA

Agensi Pusat Permohonan Penggambaran Filem dan Persembahan Artis Luar Negara atau singkatannya PUSPAL bertanggungjawab memberi khidmat nasihat berkaitan penggambaran filem dan persembahan artis luar negara (ALN) dan memastikan penggambaran filem atau ALN mematuhi syarat serta peraturan yang telah ditetapkan.

PUSPAL juga menyelaras dan memantau bersama Agensi Kerajaan yang berkaitan aktiviti penggambaran filem atau persembahan ALN.

Sebuah jawatankuasa iaitu Jawatankuasa PUSPAL (JK-PUSPAL) ditubuhkan yang diwakili oleh beberapa Agensi Kerajaan yang bertanggungjawab dalam mempertimbangkan permohonan penggambaran filem dan persembahan ALN.

Manakala, Unit Keurusetiaan JK-PUSPAL bertanggungjawab menyelaras dan memproses semua permohonan yang berkaitan.



SEBANYAK **2017** JUMLAH PERMOHONAN

- **1,864** DISOKONG
- **117** TIDAK DISOKONG
- **36** BATAL

## JUMLAH PERMOHONAN MENGIKUT KATEGORI

| Kategori | Jumlah | Kategori | Jumlah |
|---|---|---|---|
| HOTEL | 199 permohonan | SARKAS | 19 permohonan |
| PREMIS | 553 permohonan | TEATER | 15 permohonan |
| DJ | 99 permohonan | TARIAN | 17 permohonan |
| PENGACARA | 47 permohonan | SILAP MATA | 1 permohonan |
| KONSERT | 164 permohonan | FILEM | 310 permohonan |
| NYANYIAN | 402 permohonan | PROMOSI | 84 permohonan |
| AKROBATIK | 9 permohonan | OPERA | 57 permohonan |

*Nota: Baki sebanyak 41 permohonan lagi dalam proses rayuan*

*Sumber: Agensi Pusat Permohonan Penggambaran Filem dan Persembahan Artis Luar Negara (PUSPAL)*

# PROGRAM LATIHAN INSTITUT PENYIARAN DAN PENERANGAN TUN ABDUL RAZAK (IPPTAR)

IPPTAR berperanan untuk merancang dan menyediakan program latihan bagi pengamal media di kalangan warga kementerian, jabatan dan agensi di bawahnya dalam bidang Industri Kreatif, Kejuruteraan Penyiaran dan Komunikasi Strategik;

Menjalankan penyelidikan dan penilaian terhadap 3 bidang utama iaitu Industri Kreatif, Kejuruteraan Penyiaran dan Komunikasi Strategik bagi mengukur dan meningkatkan mutu latihan;

Bekerjasama dengan agensi-agensi di dalam dan luar negara dalam bidang latihan penyiaran, perfileman dan komunikasi korporat; dan

Menyediakan infrastruktur dan khidmat sokongan selaras dengan keperluan latihan.

**84 KURSUS**

**PESERTA 2,115**

## KLUSTER INDUSTRI KREATIF

Merancang dan melaksanakan program latihan dari peringkat asas, pertengahan dan lanjutan Radio, TV, Kewartawanan dan Media Baharu;

Merancang dan melaksanakan pelan strategik antara IPPTAR dengan institusi pengajian tinggi yang menawarkan kursus-kursus dalam bidang Industri Kreatif;

Mewujudkan pangkalan data *Subject Matter Expert (SME)* dalam bidang Industri Kreatif;

Merancang dan mewujudkan jaringan kerjasama dengan organisasi yang berkaitan dengan Industri Kreatif di dalam dan di luar negara; dan

Melatih pengamal media dalam bidang Industri Kreatif.

**35 KURSUS**

**695 PESERTA**



## KLUSTER KEJURUTERAAN PENYIARAN

Merancang dan melaksanakan program latihan dari peringkat asas, pertengahan dan lanjutan Radio, TV dan Bersepadu;

Merancang dan melaksanakan pelan strategik antara IPPTAR dengan institusi pengajian tinggi yang menawarkan kursus-kursus dalam bidang Kejuruteraan Penyiaran;

Merancang dan mewujudkan jaringan kerjasama dengan organisasi yang berkaitan dengan Kejuruteraan Penyiaran, di dalam dan luar negara; dan

Melatih pengamal media dalam bidang Kejuruteraan Penyiaran.

**23 KURSUS**

**547 PESERTA**



## KLUSTER KOMUNIKASI STRATEGIK

Merancang dan menyediakan program latihan untuk warga kementerian dan agensi berkaitan dalam bidang Komunikasi Strategik;

Melaksanakan kursus Komunikasi Strategik selaras dengan keperluan semasa pelanggan dan memantapkan perkhidmatan pegawai di bawah KKMM serta agensi berkaitan; dan

Bekerjasama dengan jabatan agensi di dalam dan luar negara dalam bidang Komunikasi Strategik.

**18 KURSUS**

**629 PESERTA**



## KLUSTER PENYELIDIKAN DAN PENERBITAN

Mewujudkan pangkalan data *Subject Matter Expert (SME)* dan bahan rujukan dalam kluster Industri Kreatif, Komunikasi Strategik dan Kejuruteraan Penyiaran;

Menjalankan kajian dan penyelidikan serta maklumbalas bagi semua kluster;

Menyediakan maklumat berhubung keperluan IPPTAR bagi pengiktirafan akreditasi dari *Malaysia Qualifications Agency (MQA);*

Menyediakan bahan penerbitan; dan

Menjalin kerjasama strategik dengan institusi pengajian tinggi dalam bidang penyelidikan dan pembangunan.

**8 KURSUS**

**244 PESERTA**



*Sumber: Institut Penyiaran dan Penerangan Tun Abdul Razak (IPPTAR)*

ipptar
INSTITUT PENYIARAN DAN PENERANGAN TUN ABDUL RAZAK

JABATAN PERLINDUNGAN DATA PERIBADI

BERNAMA

finas

MCMC

MDEC
Driving Transformation

.myNIC